

20/07/2001

Buta hati tidak tahu nilai usaha PM

Nadzim Ahmad Jamalludin; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Pencapaian terbaik kerajaan yang diterajui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang 20 tahun menjadi Perdana Menteri ialah kemampuan Malaysia mengekalkan kestabilan dan keharmonian sebagai negara pelbagai kaum.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Noh Omar, berkata sebenarnya banyak kemajuan lain yang dicapai negara, tetapi hanya mereka yang buta hati saja tidak boleh menilainya.

Beliau berkata, rakyat sedar bahawa negara ini ialah sebuah negara majmuk dan terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, keturunan, kebudayaan dan berlainan bahasa.

Oleh itu, katanya, mereka mempunyai perasaan bersedia untuk bertolak ansur, memahami sensitiviti kaum lain, bersedia berkongsi kepentingan ekonomi negara, kuasa dan saling menghormati antara satu sama lain.

"Ini akan terus menjamin kestabilan, kemakmuran dan keamanan negara. Hasrat kerajaan juga ialah untuk melihat rakyat Malaysia berusaha bersungguh-sungguh dan bekerja kuat untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

"Usaha gigih dan tekun haruslah menjadi keutamaan semua rakyat. Apa yang perlu ada ialah perubahan sikap, yakin kepada diri sendiri, tekun berusaha dan tidak takut pada kegagalan dan jangan cepat putus asa serta sentiasa berpegang kepada slogan Malaysia Boleh," katanya ketika menjawab soalan Fong Kui Lun (DAP-Bukit Bintang).

Fong ingin tahu apakah hasrat yang ingin dipenuhi Perdana Menteri sebelum bersara dan apakah pencapaian serta kegagalan ketika beliau menjadi Perdana Menteri untuk melihat Malaysia maju..

Noh berkata, walaupun segala usaha yang dilakukan kerajaan untuk mencapai kejayaan, seringkali perancangan dan pelaksanaan pembangunan negara tidak dapat bergerak dengan secepat yang dikehendaki kerana tindakan pembangkang yang cuba menggagalkan pelaksanaan sesuatu projek dengan menghasut rakyat, menyebarkan fitnah dan maklumat palsu.

Beliau berkata, sejarah telah membuktikan bahawa parti pembangkang tidak pernah merestui sebarang projek pembangunan yang dibuat kerajaan, walaupun ia untuk kebaikan rakyat.

"Mereka membangkang projek kereta nasional, Putrajaya, Lebuh raya Utara Selatan, Jambatan Pulau Pinang dan sebagainya. Jika kerajaan ikut kritikan mereka, sudah tentulah negara kita tidak menikmati kemajuan seperti hari ini.

"Dalam sistem demokrasi, peranan pembangkang adalah penting tetapi mereka haruslah melaksanakan peranan mereka secara bertanggungjawab dan sama-sama berusaha memastikan kejayaan negara kita," katanya.

Noh berkata, saat yang paling sulit dihadapi kerajaan pula ialah ketika menghadapi serangan penyangak mata wang (George Soros) pada 1997 hingga memaksa kerajaan menampilkan reformasi kewangan, kedaulatan ekonomi dan inovatif dalam pelan penyelamat ekonomi.

"Walaupun pada mulanya pelan itu dikritik dengan hebat, akhirnya memaksa dunia Barat mengakui dasar kewangan negara kita patut dicontohi.

"Saat kerajaan berpuashati pula ialah apabila berjaya mengaudit kekayaan negara dengan mengetahui jumlah sebenar duit yang dimiliki Malaysia," katanya.

Menjawab soalan tambahan Fong yang ingin tahu faktor menyebabkan Dr Mahathir boleh bertahan lama walaupun pernah membayangkan untuk bersara

dan cara bagaimana rakyat dapat menghargai jasa Perdana Menteri, Noh berkata:

"Inilah yang luar biasa ada pada Perdana Menteri kita dan menunjukkan mendapat sokongan yang padu dari rakyat.

"Malaysia adalah negara yang sentiasa mendapat perhatian dari negara luar dan banyak negara membangun selalu memikirkan mudah-mudahan negara mereka pula akan mendapat seorang pemimpin seperti Perdana Menteri," katanya.

Mengenai usaha untuk mengenang jasa, Noh berkata beliau percaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan berusaha untuk menarik lebih ramai pelancong melawat tempat dan mengingati jasa pemimpin negara kita.

(END)